

Gas Malaysia catat untung bersih lebih tinggi

KUALA LUMPUR: Gas Malaysia Bhd mencatatkan keuntungan bersih RM102.63 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac, 2024 berbanding RM95.10 juta ketika suku yang sama pada tahun kewangan 2023.

Walau bagaimanapun, perolehan susut kepada RM1.87 bilion daripada RM2.44 bilion bagi tempoh sama berikutan harga jualan gas asli purata lebih rendah, diimbangi oleh jumlah jualan gas asli yang lebih tinggi dan fi tol yang juga meningkat.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia kelmarin, Gas Malaysia menjelaskan keuntungan sebelum zakat dan cukai bagi suku pertama 2024 ialah RM136.59 juta, meningkat 7.9 peratus daripada RM126.63 juta semasa suku sama tahun kewangan 2023.

"Ini sejajar dengan jumlah jualan gas asli yang lebih tinggi,

fi tol lebih tinggi serta kewangan dan pendapatan lain yang juga lebih tinggi, sebahagiannya diimbangi oleh margin submarginal gas asli purata yang lebih rendah sejajar dengan kos gas asli purata yang lebih kecil, perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi, dan kos kewangan yang meningkat," tambahnya.

Mengenai prospek, syarikat pengedaran gas asli itu memaklumkan pihaknya akan terus mengambil langkah berhemat untuk mengekalkan kecekapan operasi agar kekal berdaya saing dan mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan.

"Lembaga pengarah juga menjangkakan syarikat mencatatkan prestasi yang memuaskan bagi tahun kewangan 2024 seiring dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi domestik," tambahnya. -Bernama



GAS Malaysia-Bhd.



PIHAK Gas Malaysia Bhd akan terus mengambil langkah berhemat untuk mengekalkan kecekapan operasi agar kekal berdaya saing dan mencari peluang untuk mengembangkan perniagaan.